

# UniMAP Lancar

## Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan

KANGAR, 29 Julai 2010 - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah melancarkan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) dan Pusat Kokurikulum UniMAP pada 29 Julai 2010 lalu dan telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato` Prof. Dr. Kamarudin Hussin.



Kewujudan PPIPT ini menjadikan jumlah keseluruhan pusat pengajian di UniMAP setakat ini sebanyak sembilan buah dan PPIPT merupakan satu-satunya pusat pengajian yang menawarkan dua kursus bukan dalam bidang kejuruteraan iaitu Perniagaan Antarabangsa dan Keusahawanan Kejuruteraan.

Sementara itu, Pusat Kokurikulum yang dahulunya bernaung di bawah Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK), kini telah berdiri dengan sendirinya. Pusat Kokurikulum UniMAP menawarkan sebanyak 39 kursus kokurikulum dan badan beruniform untuk pelajar ijazah dan diploma dan terdapat lebih kurang 62 orang jurulatih yang berkelayakan telah berkhidmat sebagai jurulatih bagi kursus Kokurikulum dan Badan beruniform yang ditawarkan.